

Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** soalan

1 (a) Nyatakan Andaian, Prinsip atau Batasan bagi setiap situasi berikut

i	Syarikat Qalbu menyediakan Penyata Kewangan dengan mengambilkira semua belanja belum bayar, belanja prabayar serta hasil belum terima dan hasil belum terperoleh bagi menentukan untung bersih syarikat.	
ii	Aset Syarikat Qalbu direkod pada harga kos walaupun harga pasaran telah berubah.	

[2 markah]

(b) Berikut adalah urusaniaga yang berlaku bagi Kedai Buku Alif

Kedai Buku Alif membeli dua buah rak buku secara kredit bernilai RM1400

Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama yang terlibat bagi urusaniaga di atas.

[2 markah]

(c) Maklumat berikut diperolehi dari Syarikat Angsana

	RM
Kenderaan (kos)	60 000
Susutnilai terkumpul kenderaan	26 000
Rugi perlupusan	9 000

Hitung harga kenderaan yang dijual semasa perlupusan.

[2 markah]

(d) Nyatakan dua Nisbah Keberuntungan

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada Encik Azman yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
Aset	23 600	41 500
Liabiliti	12 700	16 600

Maklumat tambahan;

(i) Sepanjang tahun 2021, Encik Azman telah mengambil tunai sebanyak RM400 untuk kegunaan anaknya.

Hitung Untung atau Rugi Bersih perniagaan Encik Azman bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

[2 markah]

- 2 Encik Don, usahawan milikan tunggal menjalankan perniagaan Boutique Forever di Ayer @8 Precint 8 Putrajaya.
Berikut ialah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku-buku perniagaan bagi tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2022

	1 Julai 2021 (RM)	30 Jun 2022 (RM)
Modal		98 471
Inventori	31 000	?
Peruntukan Hutang Ragu		325
Pinjaman (matang pada 30 jun 2025)	16 000	12 000
Premis (kos)	250 000	250 000
Kenderaan (kos)	80 000	80 000
Susutnilai terkumpul kenderaan	32 000	?
Lengkapan (kos)	50 000	56 000
Akaun belum Terima		16 250
Akaun Belum Bayar		7 650
Bank		15 508
Tunai runcit		350
Belian		322 560
Jualan		650 034
Pulangan masuk		1 250
Angkutan masuk		4 500
Insurans kedai		3 000
Gaji		24 383
Komisen diterima		5 372
Diskaun diberi		1 260
Sewa diterima		2 600
Ambilan		14 746
Faedah atas pinjaman		880
Utiliti		1 840

Maklumat tambahan :

(i) Inventori pada 30 Jun 2022

	Produk			Jumlah
	Produk A	Produk B	Produk C	
Harga Kos	9 850	9 920	12 980	32 750
Harga pasaran	10 252	8 346	12 999	31597

- (ii) Komisen RM456 yang telah diterima untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan pada bulan Julai 2022.
- (iii) Ambilan barang niaga RM580 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Insurans atas belian RM620 tersalah rekod sebagai insurans kedai.
- (v) Lengkapan baru dibeli pada 31 Mac 2022.
- (vi) Susutnilai aset bukan semasa:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Premis	Tiada	Tiada
Lengkapan	20% setahun	Garis Lurus
Kenderaan	15% setahun	Baki Berkurangan

- (vii) Pinjaman dikenakan faedah 6% setahun berdasarkan baki awal tempoh perakaunan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022 [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022 [12 markah]

3. Kelab Badminton Tangkas beroperasi di Kulim, Kedah bermula 1 Julai 1999. Kelab tersebut turut menjalankan perniagaan kafeteria untuk menambahkan pendapatan kelabnya. Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

	1 Julai 2021	30 Jun 2022
	RM	RM
(i) Baki		
Bangunan kelab (kos)	80 000	80 000
Lengkapan	25 000	20 100
Akaun Belum Bayar (kafeteria)	3 320	3 370
Inventori kafeteria	17 360	12 690
Yuran belum terima	2 320	2 220
Yuran belum terperoleh	-	320
Akhbar dan majalah belum bayar	90	130
Inventori alat tulis	30	96
Bank	29 330	?
(ii) Penerimaan sepanjang tahun		
Yuran ahli	8 000	
Yuran masuk	1 500	
Jualan kafeteria	38 000	
Sewa gelanggang	3 000	
Kutipan pertandingan badminton	7 700	
(iii) Pembayaran sepanjang tahun:		
Penyelenggaraan	4 000	
Akaun Belum Bayar (kafeteria)	18 490	
Akhbar dan majalah	1 032	
Belanja pertandingan badminton	4 830	
Lengkapan	1 200	
Gaji	6 400	
Insurans	1200	
Alat tulis	130	

Maklumat tambahan:

- (i) $\frac{1}{4}$ daripada gaji adalah upah pekerja kafeteria
- (ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil
- (iii) 50% daripada yuran tertunggak awal tidak dapat dikutip.
- (iv) Insurans dibayar sehingga 30 September 2022

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Menghitung

- (i) Dana Terkumpul awal.

[2 markah]

- (ii) Baki akhir Akaun Bank

[2 markah]

(b) Menyediakan

- (i) Akaun Yuran

[5 markah]

- (ii) Akaun Perdagangan Kafeteria bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

[6 markah]

- (iii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022

[10 markah]

Bahagian B
[40 markah]
Jawab **dua** soalan sahaja.

- 4 Jamal, Jaswint, Jenny adalah rakan kongsi dalam Perkongsian 3 Jay yang beroperasi di Alor Setar, Kedah. Baki-baki berikut diperolehi dari buku perkongsian pada 31 Disember 2021 setelah Akaun Perdagangan dan Untung Rugi disediakan.

Modal pada 1 Januari 2021	RM
Jamal	100 000
Jaswint	60 000
Jenny	40 000
Lengkapan	86 000
Kenderaan	70 000
Susutnilai terkumpul Lengkapan	21 500
Susutnilai terkumpul Kenderaan	34 160
Inventori	61 650
Akaun Belum Terima	12 000
Akaun Belum Bayar	15 510
Bank	85 071
Ambilan:	
Jamal (1 April 2021)	6 700
Jaswint (30 September 2021)	5 000
Jenny	8 400
Untung bersih	60 621
Komisen belum terima	750
Peruntukan hutang ragu	720
Insurans prabayar	1 200
Gaji pekerja belum bayar	1 350
Akaun Semasa pada 1 Januari 2021:	
Jamal	13 650
Jaswint	2 340 (debit)
Jenny	4 600
Gaji :	
Jamal	6 000
Jaswint	5 000
Elaun Jenny	2 000

Maklumat tambahan:

Ikatan Perjanjian Perkongsian menyatakan syarat berikut:

- (i) Faedah atas ambilan dikenakan sebanyak 5% setahun.
- (ii) Faedah atas modal dibayar 6% setahun.
- (iii) Jamal dan Jaswint masing-masing memperolehi gaji tahunan sebanyak RM10 000 dan RM8 000.
- (iv) Jenny dibayar elaun tahunan berjumlah RM4 000
- (v) Untung atau rugi dikongsi antara Jamal, Jaswint dan Jenny mengikut nisbah 2:2:1

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021
[6 markah]
- (b) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan)
[7 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021
[7 markah]

- 5 Cik Amani, pemilik Kedai Hantaran Pengantin ZNF telah memulakan perniagaannya dua tahun lepas dengan menjual pelbagai barangan keperluan hantaran. Beliau ingin membuat pinjaman bagi mengembangkan perniagaannya. Pihak bank meminta beliau untuk menyediakan belanjawan tunai bagi tempoh tiga bulan yang berakhir 31 Disember 2022 bagi tujuan tersebut.

Cik Amani meminta anda membantunya menyediakan belanjawan tunai tersebut dengan memberikan maklumat awal berikut:

	RM
Bank	58 000
Tunai	4 500
Perabot	32 000
Inventori	210 000
Akaun Belum Bayar	49 400

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut

- (i) Anggaran jualan pada bulan Oktober dan November 2022 adalah RM205 000 dan RM250 000 masing-masing. Pada bulan Disember 2022, jualan dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya.
- (ii) 60% daripada belian bulanan adalah belian tunai dan bakiya diberi tempoh sebulan kredit.

Anggaran belian bagi tiga bulan adalah seperti berikut:

		RM
Anggaran belian	Oktober 2022	167 000
	November 2022	195 000
	Disember 2022	157 000

- (iii) Pada hujung bulan November pinjaman bank RM90 000 diperolehi. Pinjaman perlu dijelaskan dalam tempoh masa 5 tahun. Faedah atas pinjaman dikenakan sebanyak 4% setahun. Ansuran balik pinjaman bermula pada bulan berikutnya.

- (iv) Sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) berharga RM88 000 akan dibeli dengan wang pendahuluan sebanyak RM50 000 dibayar pada bulan Disember dan bakinya akan dijelaskan apabila kenderaan diterima.
- (v) Anggaran perbelanjaan bulanan


	RM
Gaji pekerja	42 000
Sewa kedai	4 200
Susut nilai perabot	3 100
Kadar bayaran	3 500

- (vi) Komisen 2% dijangka diterima pada bulan November bagi jualan bulan Oktober dan November.
- (viii) Promosi dijalankan untuk dua bulan sekali. Perbelanjaan promosi bagi bulan Oktober 2022 adalah RM6 500 dan akan berkurang sebanyak 5% bagi promosi seterusnya.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai Kedai Hantaran Pengantin ZNF bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2022. (tunjukkan lebihan dan kekurangan).

[20 markah]

- 6 (a) Kilang Mas Maju mengeluarkan uniform sekolah yang dijual pada harga RM90 sehelai.
 Graf berkaitan hasil jualan dan kos-kos yang terlibat ditunjukkan dalam graf dibawah.



Kos berubah sebanyak RM360 000 diperlukan untuk mengeluarkan uniform sekolah sebanyak 12 000 helai. Kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki :

- i Menghitung kos berubah seunit [2 markah]
- ii Menghitung Kos Tetap [2 markah]
- iii Menghitung jumlah jualan (dalam RM) untuk mendapatkan untung RM12 000. [3 markah]
- iv Jika kos berubah meningkat sebanyak 15%, kira Titik Pulang Modal yang baharu [3 markah]
- v Apakah fungsi Titik pulang modal? [2 markah]

- (b) Pada 1 Januari 2018, Syarikat Kilau Permata Berhad telah menerbitkan 750 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada 31 Januari 2018, semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh. Keuntungan syarikat untuk empat tahun kewangan berakhir 31 Disember dari tahun 2018 dan 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan untuk dividen (RM)
2018	90 000
2019	85 000
2020	150 000
2021	200 000

Anda dikehendaki menghitung dividen 6% syer keutamaan dan pembayaran dividen syer biasa bagi empat tahun tersebut.

[8 markah]